

08/07/2000

Sudut Harvard di Perpustakaan Negara

Seri Intan Othman

KELAB Harvard Malaysia yang ditubuhkan sejak 25 tahun lalu kini mencatat satu lagi sejarah dengan menubuhkan Sudut Harvard, di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Kuala Lumpur bagi mengumpul pelbagai koleksi bahan bacaan dan maklumat.

Orang ramai kini boleh mendapatkan bahan rujukan buku keluaran Universiti Harvard, sama ada yang ditulis oleh lulusan universiti itu atau kakitangan akademiknya.

Pelancaran Sudut Harvard dilakukan oleh Presiden Kelab Harvard Malaysia, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, baru-baru ini.

Penubuhan Sudut Harvard membuka peluang kepada pengunjung PNM untuk mendapatkan maklumat daripada 372 naskhah monograf, 23 judul terbitan bersiri dan 14 judul bahan sumber media.

Koleksi Sudut Harvard itu ditempatkan di Aras 4, perpustakaan berkenaan dan ia boleh diakses melalui Katalog Atas Talian (OPAC) Perpustakaan Negara yang juga boleh diperolehi melalui laman webnya <http://www.pnm.my>.

Dalam ucapannya pada majlis perasmian itu, Ahmad Sarji berkata kelab berkenaan menyumbang RM250,000 kepada PNM dengan RM100,00. Sebagai permulaan bagi membeli bahan terbitan Harvard Business School dan Harvard University Press secara berperingkat.

Sejumlah RM50,000 lagi diserahkan kepada Ketua Pengarah PNM, Shahar Banun Jaafar oleh Pengerusi Yayasan Harvard, Tan Sri Thong Yaw Hong manakala RM100,000 lagi akan diserahkan kemudian.

Sehubungan itu, Ahmad Sarji mencadangkan supaya semua ahli kelabnya menyumbangkan koleksi buku atau bahan maklumat mereka bagi melengkapkan lagi koleksi Sudut Harvard PNM.

"Bahan bernilai membabitkan bidang ekonomi, kesihatan, sosial, politik dan sebagainya itu penting bagi membantu pengunjung PNM dalam mendapatkan bahan bacaan ilmiah mereka," katanya.

Ketika ditemui selepas majlis perasmian itu, Ahmad Sarji berkata program itu adalah sebahagian daripada kegiatan yang sudah dirancang sepanjang tahun ini selain mengadakan seminar dan ceramah perdana.

Sejak ditubuhkan, katanya Kelab Harvard mempunyai dana mencukupi yang disimpan menerusi Yayasan Kelab Harvard bagi memberi pelbagai sumbangan perlu khususnya meningkatkan pembangunan ilmu di negara ini.

Kelab itu juga bergerak selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan segenap lapisan masyarakat di negara ini melengkapkan diri dengan pelbagai bidang ilmu.

Sehubungan itu, katanya galakan membaca perlu terus ditingkatkan supaya negara terus melahirkan generasi berilmu pengetahuan tinggi dan mampu menerajui negara ke arah era pembangunan lebih cemerlang pada masa depan.

Beliau berkata, ketika ini kelab itu dianggotai lebih 200 ahli yang semuanya adalah lulusan Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Selain membantu masyarakat meningkatkan ilmu pengetahuan, menurutnya kelab itu juga bergerak cergas dalam kegiatan ekonomi khususnya kewangan dan pengurusan.

"Ceramah perdana adalah antara kegiatan penting yang berjaya dilakukan tahun lalu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan tahun ini kegiatan itu akan dilaksanakan sekali lagi pada akhir tahun ini," katanya.

Beliau berkata, jika tahun lalu Perdana Menteri bercakap mengenai The Management of Example, bagaimanapun tahun ini tajuk belum diputuskan.

Selain itu, katanya kelab itu juga mengadakan konsert muzik klasik serta menulis lagu P Ramlee yang setakat ini sudah disiapkan sebanyak tiga volume sebagai mengenang jasa dan menghargai karya Seniman Agung itu.

Koleksi itu juga menjadi bahan penting kepada masyarakat untuk mengenali secara dekat koleksi seni muzik hasil karyawan Seniman Agung yang tetap menjadi pujaan ramai sehingga kini, katanya.

(END)